

16 APR 2001

LEAD-KDNK-MAHATHIR

KDNK SUKU PERTAMA MUNGKIN TIDAK SEBAIK YANG DIHARAPKAN, KATA DR MAHATHIR

SHAH ALAM, 16 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku pertama tahun ini mungkin tidak sebaik yang diharapkan.

"Kesan kemelesetan ekonomi Amerika Syarikat telah dirasakan lebih awal," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Pesuruhjaya Polis - Ketua Polis di sini hari ini.

Bank Negara Malaysia (BNM), dalam Laporan Tahunan 2000, berkata suku tahun kedua yang pertama tahun ini akan mengalami pertumbuhan yang perlahan sebelum peningkatan dalam suku kedua berikutnya.

Bank pusat itu menjangkakan ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.0 hingga 6.0 peratus tahun ini berbanding 8.5 peratus dalam tahun 2000.

Perdana Menteri semasa mengumumkan langkah-langkah persediaan awal bagi mengatasi kemerosotan permintaan luar bulan lepas berkata, pertumbuhan KDNK 2001 mungkin akan kurang daripada pertumbuhan 7.0 peratus yang dijangkakan sebelumnya.

Beliau berkata ia mungkin berada di sekitar 4.0 peratus hingga 5.0 peratus tahun ini tetapi sekiranya langkah-langkah persediaan awal itu berjaya, pertumbuhan KDNK boleh mencapai 6.0 peratus.

Dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) yang diumumkan baru-baru ini, Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri berkata ekonomi Malaysia dijangka berkembang purata sebanyak 7.5 peratus antara 2001 dan 2010.

RRJP3 ialah rancangan 10 tahun, mewakili dekad kedua di bawah Konsep Wawasan 2020, yang menyediakan polisi lembaga dan pengukur rancangan untuk merumuskan Pelan Rancangan Malaysia Kelapan dan Kesembilan.

Dalam tahun 2000, KDNK suku pertama, kedua, ketiga dan keempat masing-masing berada pada 11.8, peratus, 8.4 peratus, 7.8 peratus dan 6.5 peratus.

Bagi keseluruhan tahun lepas, KDNK meningkat 8.5 peratus. Ini merupakan satu peningkatan daripada kadar tahun ke tahun sebanyak 5.8 peratus dalam tahun 1999.

Apabila ditanya mengenai laporan akhbar hari ini bahawa Kementerian Kewangan mungkin mengeluarkan bon Islam bernilai RM8.0 bilion untuk membiayai projek hidro-elektrik Bakun yang dipulihkan bernilai RM2.4 bilion, beliau berkata beliau tidak tahu apa-apa mengenainya.

Empangan Bakun, yang terletak di hulu Sungai Rejang dekat Belaga, Sarawak telah diluluskan pada 1993. Pada asalnya, ia dianggarkan menelan belanja kira-kira RM15 bilion tetapi projek itu telah ditangguhkan apabila terdetusanya krisis kewangan pada 1997.

Kerajaan membuat keputusan untuk meneruskan projek Bakun itu bulan lepas tetapi pada skala yang lebih kecil dengan membatalkan pembinaan kabel dasar laut yang menghubungkan empangan itu dengan Semenanjung Malaysia.

Projek janakuasa hidro-elektrik Bakun yang dikecilkan skalanya itu akan menghasilkan 2,400 MW kuasa elektrik bagi Sabah, Sarawak, Brunei dan kemungkinan, Kalimantan. -- BERNAMA

MFZ SEL NHD OS